

Bapa rogol anak rayu simpati hakim

Mohon hukuman penjara 18 tahun diringankan kerana mengaku menyesal, insaf

NORAWAZNIYUSOF

KLANG - Seorang penganggur di jatuhkan hukuman penjara 18 tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas kesalahan merogol anak kandungnya sehingga melahirkan anak.

Hakim Datuk Anita Harun membuat keputusan itu selepas mendengar pengakuan bersalah dan rayuan daripada tertuduh yang

berusia 37 tahun.

Tertuduh yang memakai ke-meja-T putih merayu hukuman lebih ringan dengan alasan dia menyesal atas perbuatannya.

"Saya benar-benar insaf, selama tiga tahun berada di penjara, saya mempelajari ilmu agama dan saya menyesal dengan apa yang telah saya lakukan," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya yang diwakili Nurul Maisarah Kamal

dalam hujahnya pula berkata, berdasarkan fakta kes, tertuduh merogol anak kandung yang ketika itu berusia 14 tahun sehingga melahirkan seorang anak dan perlu dikenakan hukuman setimpal supaya memberi pengajaran kepadanya.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada Ogos 2005 di rumah beralamat di Kampung Sri Perantau, Pelabuhan Klang, dekat sini.

"Kesalahan tertuduh adalah hubungan yang tidak dibenarkan di bawah hukum agama," kata Nurul.

Bagi kesalahan kedua, pada 1 Februari 2006 kira-kira jam 12.30 tengah hari di tepi Jalan Pelabuhan Klang, tertuduh dituduh melakukan kesalahan menakutkan secara jenayah kepada isterinya setelah wanita itu mengetahui perbuatan terkutuknya.

Tertuduh didakwa mengancam

isterinya dengan kata-kata: "Kau pergilah buat *report* (lapor) polis, nanti kau balik rumah aku bunuh kau."

Bagi pertuduhan ketiga, pada tarikh dan tempat yang sama, tertuduh dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada isterinya.

Tertuduh dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 376B (1), Seksyen 506 dan Seksyen 223 Kanun Keseksaan.